

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21/8/2013

Nelson Mandela penerima pertama Anugerah Mahathir

UM - 21/8/2013

PUTRAJAYA 20 Ogos - Bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela (**gambar**) bakal menjadi penerima pertama Anugerah Mahathir Untuk Keamanan Global dalam sebuah majlis khas di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 27 Ogos ini.

Menurut Ahli Jawatankuasa Yayasan Keamanan Global Mahathir, Ambi Mathe, upacara perasmian majlis itu dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.



“Dalam majlis itu nanti, Nelson akan diwakili Presiden Afrika Selatan, Jacob G. Zuma yang dijadual mengadakan lawatan rasmi ke negara ini minggu depan.

“Anugerah itu lahir daripada ke-sungguhan dan komitmen yang dipamerkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan keamanan global,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.